

DENDA GANTIAN BAHAN HILANG/ROSAK

Denda bahan yang hilang /rosak adalah DUA kali ganda harga bahan berkenaan.

Bahan yang hilang boleh diganti dengan bahan yang sama tajuk atau tajuk yang sama versi terkini.

Sebarang kehilangan bahan yang dipinjam mesti dilaporkan SEGERA kepada Penasihat Pembaca yang bertugas di Kaunter Khidmat Pelanggan atau emel kepada korporatphs@usm.my untuk tindakan selanjutnya.

PERTUKARAN ALAMAT

Sebarang pertukaran alamat hendaklah dimaklumkan SEGERA kepada Perpustakaan.

PERATURAN PERPUSTAKAAN

Ahli berdaftar dan Pelawat Harian (Berbayar) sahaja dibenarkan masuk ke Perpustakaan

Semasa berada di dalam Perpustakaan Ahli Berdaftar dan Pelawat Harian (Berbayar) adalah tertakluk di bawah Peraturan Perpustakaan.

Kad Keahlian perlu dipamerkan semasa di dalam Perpustakaan dan TIDAK boleh bertukar hakmilik kepada sesiapa pun.

Ahli berdaftar dan Pelawat Harian (Berbayar) hendaklah berpakaian kemas dan sopan. skirt mini, baju tanpa lengan & seluar pendek tidak dibenarkan.

Telefon bimbit sentiasa dalam mod SENYAP ketika berada di dalam Perpustakaan

DENDA LEWAT PEMULANGAN BUKU

50 sen sehari (untuk Ahli Publik (Berdaftar sahaja)

PENAMATAN KEAHLIAN

Ahli berdaftar yang ingin menamatkan keahlian perlu memulangkan bahan Perpustakaan yang dipinjam.

Perpustakaan boleh menamatkan keahlian pada bila-bila masa jika ahli didapati melanggar peraturan Perpustakaan dan Universiti.

WAKTU PERKHIDMATAN

Isnin – Jumaat
8:30 pagi – 4:40 petang

Sabtu/Ahad/Cuti Umum
Tutup

Waktu perkhidmatan terkini
boleh diakses melalui www.lib.usm.my



HUBUNGI KAMI

 Bahagian Korporat & Khidmat Pelanggan
Perpustakaan Hamzah Sendut
Universiti Sains Malaysia
11800 USM
Pulau Pinang

 04-6533720 (PHS 1)

 korporatphs@usm.my
Infolib@usm.my



PANDUAN PERPUSTAKAAN
Keahlian
Publik Berdaftar
&
Pelawat Harian
(Berbayar)

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGENALAN

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan sebuah Perpustakaan Akademik. Keahlian hanya terdiri daripada staf dan para pelajar yang berdaftar. Perpustakaan USM turut menawar keahlian TERHAD dan penggunaan perpustakaan secara berbayar kepada masyarakat di sekitarnya yang ingin menggunakan sumber maklumat Perpustakaan bagi tujuan penyelidikan, professional dan kerjaya. Koleksi Perpustakaan merupakan koleksi khusus dan relevan dengan program pengajian di Universiti selaras dalam menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan serta perundingan Universiti.

KEAHLIAN

Individu yang tergolong dalam senarai di bawah boleh dipertimbangkan untuk menjadi Ahli Publik Perpustakaan:

1. Alumni Universiti Sains Malaysia.
2. Pesara Universiti Sains Malaysia.
3. Suami/Isteri dan anak (berumur 12 tahun ke atas) staf tetap yang sedang berkhidmat di USM. (Sila sertakan Sijil Nikah/Kelahiran/MyKad atau dokumen yang berkenaan)
4. Pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun dalam kategori Profesional/Pengurusan.
5. Eksekutif perniagaan, usahawan termasuk mereka yang berada di peringkat pertengahan dan para professional seperti doktor, guru, peguam dan lain-lain.
6. Penyelidik bona fide.
7. Lain-lain permohonan yang mempunyai keperluan khas akan diteliti oleh Ketua Pustakawan dengan syarat pemohon dapat menunjukkan bukti tentang keperluan untuk menggunakan sumber Perpustakaan.

PROSEDUR MEMOHON

Surat permohonan hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pustakawan dengan memberikan butir-butir peribadi bersama-sama dokumen:

- Surat perakuan daripada majikan atau Ketua Institusi/Organisasi/Jabatan tempat bertugas
- Salinan Ijazah USM / Salinan Kad Pengenalan / Salinan Kad Alumni

Pemohon dikehendaki membayar yuran perkhidmatan dan pendaftaran setelah permohonan menjadi ahli diluluskan oleh Perpustakaan.

Pembayaran yuran adalah secara tahunan dan semua bayaran perlu dibuat di Jabatan Bendahari USM semasa waktu pejabat atau atas talian melalui <https://epayment.usm.my>.

Resit pembayaran hendaklah diserahkan kepada Perpustakaan untuk tujuan memproses kad keahlian.

YURAN KEAHLIAN PERPUSTAKAAN		
Kategori	Yuran Tahunan	Cagaran
Alumni USM/Kakitangan Kerajaan	RM200.00	Tiada
Pesara USM (seumur hidup)	RM50.00	Tiada
Staf projek	Percuma	Tiada
Suami/Isteri/Anak Staf	Percuma	Tiada
Individu Swasta (Tempatan)	RM500.00	Tiada
Korporat (Syarikat/Institusi)	RM5,000.00	RM2,000.00

PELAWAT HARIAN (BERBAYAR)

Terbuka kepada individu yang ingin membuat rujukan di dalam perpustakaan tanpa menjadi Ahli Publik (Berdaftar)

Bayaran : Individu – RM30/Per hari

PEMBAHARUAN KEAHLIAN

Semua bayaran yuran tahunan adalah untuk tempoh satu tahun.

Bayaran hendaklah dibuat di Jabatan Bendahari USM atau melalui ePayment

Notis Peringatan Perpustakaan akan dihantar setiap tahun bagi memperbaharui keahlian.

Keahlian akan dibatalkan sekiranya perpustakaan tidak menerima maklum balas ahli dalam tempoh satu bulan selepas notis dikeluarkan..

KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN AHLI PUBLIK (Berdaftar)

Koleksi Rak Terbuka	4 buah buku / 2 minggu
Majalah Kini & Surat Khabar, Bahan Mikroentuk, Bahan Media	Akses di dalam Perpustakaan sahaja

Perkhidmatan dan kemudahan lain boleh diperolehi dengan kebenaran Ketua Pustakawan.

PEMBAHARUAN PINJAMAN

Pembaharuan pinjaman bahan yang belum melewati tarikh pemulangan boleh diperbaharui untuk SATU kali sahaja menerusi:

1. Laman web Perpustakaan
2. Talian telefon
3. e-mel

*Rujuk maklumat lengkap di belakang brosur

Pembaharuan pinjaman tidak dibenarkan sekiranya bahan yang dipinjam telah ditempah oleh ahli lain.

*Perpustakaan USM berhak memohon bahan yang dipinjam dikembalikan semula pada bila-bila masa walau pun sebelum tarikh pemulangan

Daily **VISITORS**

PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

RM30

a day

**Access to all Library collection
(No Borrowing)**

Scan the QR for payment and submit
payment receipt at the Library counter.



CONTACT US



Bahagian Korporat &
Khidmat Pelanggan
Perpustakaan Hamzah Sendut
Universiti Sains Malaysia
11800 USM
Pulau Pinang



04-6533720 (PHS 1)



korporatphs@usm.my
infolib@usm.my



OPERATING HOURS

Monday – Friday
8:30 am – 4:40 pm

**Saturday/Sunday/Public Holiday
Closed

**Latest service hours
can be accessed through www.lib.usm.my
or our official social media.